






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEEMPAT (Q4 2022)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku keempat 2022 (Q4 2022). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan [ABCi]. RPPI mengukur kadar perubahan harga harta kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke semasa.
2. Pada Q4 2022, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 0.69% tahun-ke-tahun kepada 98.3 berbanding dengan Q4 2021, dan peningkatan sebanyak 7.31% berbanding dengan Q3 2022.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q4 2021	Dari Q3 2022
Q4 2022	98.3	0.69%	7.31%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 135 transaksi pembelian harta tanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q4 2022. Ini menunjukkan tiada perubahan dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q3 2022 tetapi peningkatan sebanyak 4.7% berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada suku keempat 2022, kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* [63.7%]; diikuti oleh rumah teres [17.8%]; rumah berkembar atau *semi-detached* [12.6%]; pangaspuri [5.2%]; dan tanah [0.7%].

4. Harga penengah [*median*] bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada Q4 2022 adalah BND260,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak

3.0% berbanding dengan Q4 2021, tetapi peningkatan sebanyak 2.0% berbanding dengan Q3 2022. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND289,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND280,000; bagi rumah teres adalah BND191,000; bagi pangsapuri adalah BND230,000; dan bagi tanah adalah BND470,000. Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga harta tanah yang luar biasa bagi jenis harta tanah yang sama dalam suatu tempoh masa.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza-beza yang tertakluk antaralainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcb.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 15 Ramadhan 1444H/ 6 April 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3